

Pengenalan

Asas pentadbiran Bandaraya Kuala Terengganu bermula dengan terbentuknya sistem pentadbiran pihak berkuasa tempatan yang dikenali sebagai Jumaah Bandaran Kuala Terengganu, kemudiannya diletakkan di bawah Majlis Perbandaran Kuala Terengganu pada tahun 1979. Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan persekitaran Kuala Terengganu dengan menyediakan kemudahan prasarana moden dan perkhidmatan yang berkesan bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan hidup warganya.

Meskipun penduduknya amat sinonim dengan aktiviti perikanan namun kegiatan ekonomi lain turut berkembang maju terutama kegiatan pertanian, pembuatan kraftangan seperti tembaga, songket, sutera, batik dan pembuatan bot tradisional. Keunikan seni budaya tradisional dan kreativiti seni ukiran warisan penduduk Kuala Terengganu sejak berzaman telah menyumbang kepada industri pelancongan Negeri Terengganu.

Keindahan alam semulajadi anugerah Ilahi di bumi bertuah ini amat mengagumkan. Situasi ini merupakan aset yang tidak ternilai dan telah menjadikan Kuala Terengganu destinasi pelancongan yang terkenal. Penganjuran Piala Monsoon atau *'The Formula One of Sailing'* yang merupakan siri pelayaran profesional mulai tahun 2005, menjadikan bandar ini dikenali oleh masyarakat antarabangsa. Dari sebuah pusat perdagangan utama di masa silam, Kuala Terengganu telah mengalami pembangunan pesat yang terserlah pada masa kini setanding dengan bandar-bandar utama yang lain. Pembangunan Kuala Terengganu berbeza dengan bandar-bandar lain kerana pemodenan tetap mengekalkan ciri-ciri warisan dan seni bina Islam.

Pengiktirafan ini membawa makna yang besar yang akan menjurus kepada pembangunan yang lebih pesat untuk kesejahteraan seluruh penduduk. Panorama indah lagi unik telah menjadikan Kuala Terengganu berubah wajah. Wajah yang tidak pernah diimpikan oleh generasi terdahulu.

Masjid Kristal yang dibangunkan di Pulau Wan Man sebagai Taman Tamadun Islam pula menempatkan sebuah Masjid Kristal, 21 replika monumen Islam dan sebuah pusat pameran yang memaparkan seni bina teknologi Islam, antaranya ialah Masjidil Haram, Taj Mahal dan Kul Sharif di Takarstan, Rusia.



Lapangan Terbang Sultan Mahmud telah dinaiktaraf sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa. Memiliki kemudahan yang serba lengkap, lapangan terbang ini akan dapat memberi perkhidmatan yang terbaik di samping memberi keselesaan kepada pelancong dalam dan luar negeri. Penduduk di sini juga kaya dengan seni budaya tradisional yang tersendiri. Seni dan permainan tradisional seperti seni silat, gamelan, uluk mayang dan permainan wau adalah antara seni warisan yang tetap dipertahankan. Keunikan seni peninggalan generasi terdahulu ini tetap menjadi tarikan pelancong yang mengunjungi bandar ini.

Dari sebuah pusat perdagangan dan penyebaran Islam utama di zaman silam, Kuala Terengganu kini terus mengalami pembangunan yang pesat sekaligus membawa bersama kemakmuran dan kesejahteraan yang menjadi harapan dan kebanggaan seluruh rakyat.

Justeru itu, pada 1 Januari 2008, Kuala Terengganu telah diberi pengiktirafan sebagai Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Bandaraya Warisan Pesisir Air.

GARIS MASA

MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

21 Disember 1978

Persetujuan Pihak Berkuasa Negeri untuk menubuhkan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu

18 Januari 1979


Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dengan penggabungan Jumaah Bandaran Kuala Terengganu & 4 Majlis Tempatan

19 Disember 1996

Seluruh Daerah Kuala Terengganu termasuk Pulau Redang diletakkan di bawah pentadbiran Kuala Terengganu

19 Disember 1996 - Kini

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) berkeluasan 60,528.60 hektar siap dibina



PIAGAM PELANGGAN

MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

Memberi perkhidmatan yang berkualiti dengan penuh tanggungjawab dan berdedikasi serta mengutamakan dasar-dasar kerajaan dan kepentingan awam.

Memastikan pelaksanaan undang-undang akan dijalankan dengan penuh kecekapan, keadilan dan kesaksamaan.

Mempertingkatkan penyediaan premis-premis perniagaan dan perusahaan kecil.

Akan memproses permohonan pelan pembinaan rumah persendirian (sesebuah) dalam tempoh 21 hari dengan syarat :

- i. Dokumen-dokumen yang lengkap hendaklah disertakan semasa permohonan dikemukakan.
- ii. Pelan-pelan yang dikemukakan hendaklah sempurna dan menepati undang-undang serta peraturan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Akan memproses permohonan pelan pembinaan bangunan bagi projek-projek perumahan, kilang, kompleks pejabat, kedai dan pembinaan-pembinaan lain dalam tempoh 90 hari dengan syarat :

- i. Dokumen-dokumen yang lengkap hendaklah disertakan semasa permohonan dikemukakan.
- ii. Pelan-pelan yang dikemukakan hendaklah sempurna dan menepati undang-undang serta peraturan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Akan mengeluarkan sijil akuan kelayakan menduduki bangunan (CF) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima dengan syarat :

- i. Pembinaan rumah/bangunan menepati pelan bangunan yang diluluskan;
- ii. Menyempurnakan semua syarat jabatan-jabatan berkaitan yang dinyatakan semasa kelulusan pelan dikeluarkan.

Akan menyelesaikan bayaran bagi perkhidmatan / bekalan dalm tempoh 14 hari.

Akan mengeluarkan bil cukai taksiran 2 kali setahun, iaitu sebelum 31 Januari untuk setengah tahun pertama dan sebelum 31 Julai untuk setengah tahun kedua.

Akan mempertimbangkan segala bantahan dan rayuan cukai taksiran dalam tempoh 90 hari.

Akan memberi kemudahan bayaran cukai secara ansuran.

Permohonan kebenaran merancang diluluskan dalam tempoh 90 hari.

Setiap permohonan tukar syarat tanah atau permohonan tanah kerajaan diberi ulasan dalam tempoh 14 hari bekerja.

Setiap permohonan bangunan diberi ulasan dalam tempoh 14 hari bekerja.

Khidmat nasihat akan diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja.

Semua permohonan hendaklah mempunyai dokumen dan ulasan teknikal lengkap.

Berusaha meningkatkan infrastruktur dan program-program keindahan dan kebersihan Bandar. Permohonan pelan lanskap akan diselesaikan dalam tempoh 20 hari bekerja selepas diterima daripada One Stop Centre.

Akan melaksanakan pungutan sisa pepejal dengan cekap dan dijalankan setiap hari di pusat bandar, tempat-tempat awam dan pusat perniagaan manakala setiap dua (2) hari sekali di taman-taman perumahan serta kawasan-kawasan lain.

JABATAN UNDANG- UNDANG

MAJLIS BANDARAYA KUALA
TERENGGANU



LAPORAN TAHUNAN

JABATAN UNDANG-UNDANG

Secara umumnya, Jabatan Undang-Undang menyediakan perkhidmatan nasihat perundangan serta menyediakan segala asas dan keperluan berkenaan dengannya dalam membantu Majlis Bandaraya Kuala Terengganu mencapai matlamatnya. Jabatan ini menjalankan tugas rutin sepanjang tahun 2023 iaitu :

i) Menggubal, menyemak dan meminda Undang-Undang Kecil sedia ada;

BIL	UNDANG-UNDANG
1.	Semakan Undang-Undang Kecil Bangunan (Terengganu)
2.	Undang-Undang Kecil Vape
3.	Perintah Lalu lintas Jalan (Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
4.	Undang-Undang Kecil Fi Tempat Awam
5.	Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Terengganu

ii) Pendakwaan

Pendakwaan dijalankan oleh Jabatan ini berdasarkan pengemukaan kertas siasatan dari semasa ke semasa oleh jabatan-jabatan dalaman di Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Berikut adalah kertas siasatan yang telah mendapat izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwaraya yang didaftarkan pada tahun 2023:

BIL	NO. DAFTAR KES	KESALAHAN	CATATAN
1	TA-87-798-07/2023 DAF 1 (P)_2023 AKT016849 TPR 3973/23	Undang-Undang Kecil 3, Undang -Undang Kecil Penjaja Majlis Bandaraya Kuala Terengganu 1980	KEPUTUSAN KES : RM 350.00, jika gagal 5 hari penjara.
2	TA-87-799-07/2023 DAF 2 (P)_2023 JPBA 123552 TPR 3978/23	Perenggan 46 (1) (g) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974	KEPUTUSAN KES : RM 500, jika gagal 5 hari penjara